

STATISTIK KERATAN AKHBAR JANUARI 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	MISI BANTUAN KEMANUSIAAN MANGSA BANJIR	SINAR HARIAN MS 27	03-Jan-22	KPT
2	SUKARELAWAN POLITEKNIK MERLIMAU BANTU MANGSA BANJIR	UTUSAN MALAYSIA MS 28	05-Jan-22	KPT
3	U- PUSTAKA TINGKAT BUDAYA MEMBACA	BERITA HARIAN MS 13	06-Jan-22	PERPUSTAKAAN
4	BERI RUANG SISWA PULIH SEMANGAT SELEPAS BENCANA	BERITA HARIAN MS 11	06-Jan-22	KPT
5	TEGUR BIAR BERADAB	HARIAN METRO MS 15	08-Jan-22	AGAMA
6	MASA KINI SEMAKIN SINGKAT?	METRO AHAD MS 15	09-Jan-22	AGAMA
7	TINDAKAN BERSAMA, PEMIKIRAN HOLISTIK PACU REPUTASI UNIVERSITI	BERITA HARIAN MS 11	21/1/2022	KPT
8	KAJIAN ORIENTALIS BARAT TERHADAP DISIPLIN ILMU ISLAM	METRO AHAD MS 15	23/01/2022	AGAMA
9	GRADUAN PHD PEMACU INOVASI, TINGKAT DAYA SAING NEGARA	BERITA HARIAN MS 10	23/01/2022	KPT
10	STRATEGI 'SEJAHTERA IPT' PERKUKUH EKOSISTEM PENGAJIAN TINGGI	BERITA HARIAN MS 11	26/01/2022	KPT

TAJUK: MISI BANTUAN KEMANUSIAAN MANGSA BANJIR

SUMBER : SINAR HARIAN MUKA SURAT : 27

TARIKH : 03/01/2022

SINAR HARIAN • ISNIN 3 JANUARI 2022

IPT

Oleh ROSHLAWATY RAIH

GPS Bestari
GERBANG ASPIRASI GENERASI MAHIR

27

Misi bantuan kemanusiaan mangsa banjir

UPM,
UTeM turun
padang
ringankan
beban
mereka yang
terlibat

Ramai sukarelawan dari institusi pengajian tinggi (IPT) menawarkan diri secara sukarela bagi membantu mangsa yang terlibat dengan bencana banjir di beberapa daerah di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka baru-baru ini.

Antara IPT yang turut serta dalam misi bantuan kemanusiaan itu ialah Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Bagi UPM, tragedi banjir yang melanda Selangor pada 18 hingga 20 Disember lalu telah membuatkan hampir 50 kakitangan mereka terjejas teruk akibat bencana alam tersebut.

Untuk itu, UPM dengan kerjasama Pusat Perhubungan Alumni UPM (ARCUPM) melaksanakan Program Putra Cakna: Misi Bantuan Banjir kepada staf, alumni dan pelajar UPM yang terjejas.

Pengarah ARCUPM, Profesor Madya Dr Arba'e Sujud berkata, pelbagai sumbangan

Sukarelawan UPM berganding bahu membersihkan persekitaran yang dilanda musibah banjir, baru-baru ini.



makanan dan keperluan berjaya dikumpul daripada alumni dan diagihkan kepada mereka yang terjejas demi meringankan beban dan juga tanda solidariti kepada rakan yang terkesan.

"Antara alumni terawal yang hadir menghulurkan bantuan ialah Amco Niaga Sdn Bhd iaitu Mat Amin Jaafar (alumni kelas 1994) dan Yahya Bazlan Ismail (alumni kelas 1995) yang telah menyumbang 50 kampit beras dan 50 pek sumbangan berupa makanan kering untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir."

"Sumbangan ini juga datangnya daripada orang perseorangan yang ingin bersama-sama membantu dan meringankan beban yang dihadapi oleh mereka. Para pelajar UPM juga tidak terkecuali, mereka turut serta dalam misi pembersihan rumah, masjid dan pejabat yang teruk ditenggelami air," katanya.

Dalam misi bantuan kemanusiaan tersebut, ARCUPM dan 33 pelajar Chapter Ambbasador Student (CSA) UPM turut pergi ke beberapa buah kawasan seperti Pusat Pertanian Meru, Klang, dan rumah staf UPM yang ditenggelami air sekitar Banting, Puchong dan Shah Alam bagi membantu mereka.

Sementara itu, Pegawai Sains, Institut Biosains UPM, Arba'ah Md Salleh yang turut menjadi mangsa banjir berkata, kehadiran rakan-rakan dan pengurusan universiti dalam

membantu urusan pembersihan telah memberinya semangat untuk bangkit kembali.

"Semangat yang hilang seakan kembali saat melihat ramai daripada kalangan pengurusan UPM, Pusat Perhubungan Alumni dan rakan-rakan lain serta pelajar datang membantu. Sebak, saya, sedih semua bersatu."

"Ini ujian untuk kami dan untuk kita semua. Saya terima ini sebagai satu ingatan daripada ALLAH bahawa tiada yang kekal selain ketakwaan dan keimanan terhadapNya," ujarnya.

TUAH UTeM bantu mangsa banjir di Melaka

Sementara itu, UTeM terus prihatin dan cakna terhadap mangsa bencana banjir dan terus menggerak misi bagi membantu golongan yang terjejas akibat bencana alam tersebut.

Inisiatif yang digerakkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar bersama TUAH Volunteer Team (TVT) telah mengadakan misi bantuan pembersihan rumah dan menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas di Telok Berembang, Lubuk Cina Melaka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif berkata, misi itu melibatkan sukarelawan dalam kalangan kakitangan dan pelajar UTeM iaitu Team MyHEP UTeM bersama TVT dan Sekretariat Anak Melaka (SAM).

"Kira-kira 45 pelajar dan lapan staf MyHEP UTeM terlibat dalam misi ini."

"Masing-masing telah dimaklumkan tentang tugas yang dilaksanakan dan harapnya dengan inisiatif ini dapat memupuk semangat bantu-membantu sesama komuniti warga UTeM, sekali gus merealisasikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat," katanya.

Dalam pada itu, Pasukan sukarelawan TVT yang baharu dilancarkan pada 15 Disember lalu dan diketuai Che Ku Azryal Che Ku Aziz bersama 45 sukarelawan, sentiasa bersedia memberikan bantuan tenaga dan menyumbangkan pek makanan untuk mangsa yang terkesan akibat banjir.

"Saya cukup berbangga dengan semangat yang tinggi dan komitmen sukarelawan TVT yang sanggup berkorban masa dan tenaga bagi membantu mangsa banjir yang selari dengan ciri TUAH UTeM iaitu Tangkas, Unggu, Adaptif dan Holistik," ujarnya.



Pembersihan dilakukan sebaik sahaja air banjir surut.



Sebahagian sukarelawan UPM dan ARCUPM yang terlibat dalam Program Putra Cakna: Misi Bantuan Banjir, baru-baru ini.

Sukarelawan Politeknik Merlimau bantu mangsa banjir

utusan malaysia Rabu 5/1/2022 m 28

BERAT mata memandang, berat lagi bahu memikul. Demikianlah keadaan mangsa-mangsa banjir terutama di Bukit Changgang dan Labuhan Dagang, Selangor. Dalam insiden pada 18 Disember lalu, bukan sahaja rumah dan kenderaan ditenggelami air, harta benda turut musnah.

Atas dasar keprihatinan, Politeknik Merlimau (PMM) Jasin di Melaka bersama 80 sukarelawan menyantuni penduduk terlibat untuk menyampaikan sumbangan makanan dan barang kering pada 26 hingga 28 Disember lalu.

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar PMM, Zan Aizuan

Zainal Abidin berkata, antara barang yang disumbangkan ialah baju terpakai baharu, toto, tilam, susu, lampin pakai buang bayi dan makanan kering yang berjumlah kira-kira RM12,000.

Untuk logistik, katanya, pihaknya menggunakan khidmat dua bas, dua lori, empat kenderaan 4x4 dan dua kenderaan pelbagai guna untuk mengangkut barang makanan dan barang kering kepada mangsa banjir.

"Program ini melibatkan sukarelawan yang terdiri daripada pensyarah, pelajar dan staf PMM. Ia dilancarkan oleh Pengarah Politeknik Merlimau, Mohd. Hatta Zainal di lobi Pusat Sukan PMM,"

katanya.

Kempen bagi mendapatkan barang sumbangan bantuan banjir ini dilancarkan oleh Pasukan Polytechnic Social Responsibility (PSR) PMM bermula 21 Disember 2021.

Zan Aizuan berkata, misi bantuan banjir ini adalah program terkini PSR PMM yang ditubuhkan pada 2017. Sukarelawan pasukan itu juga pernah terlibat dalam beberapa misi bantuan kemanusiaan sebelum ini.

"Selepas selesai misi bantuan ke Negeri Selangor, kami akan bergerak pula ke Negeri Pahang bagi meneruskan bantuan," katanya.



ZAN Aizuan Zainal Abidin (kiri) membantu para sukarelawan mengangkat barang sumbangan mangsa banjir ke Selangor.

TAJUK: U- PUSTAKA TINGKAT BUDAYA MEMBACA

SUMBER : BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 06/01/2022

BH Khamis, 6 Januari 2022

MindaP

U-Pustaka tingkat budaya membaca

Ms 13

Hafizatul
Mushadah
Mohamaed
Yusa,
Perpustakaan
Negara Malaysia

Perpustakaan secara tradisinya digambaran sebagai sebuah bangunan yang mengumpulkan bahan bacaan seperti buku dan majalah. Namun, seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, landskapnya berubah menjadi 'perpustakaan tanpa dinding' menawarkan pelbagai koleksi bacaan digital yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Di Malaysia, hal itu sudah dimulakan sejak sedekad lalu apabila portal u-Pustaka dilancarkan dengan menawarkan bahan bacaan fizikal dan digital. Dilancarkan pada 2011, ia adalah inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan sokongan kementerian berkaitan di bawah Pelan Jalur Lebar Negara sebelum ini.

Portal u-Pustaka menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti pinjaman buku fizikal secara pos daripada 12 perpustakaan konsortium; pinjaman dan rujukan 52 juta bahan digital yang terdiri daripada e-buku, e-majalah, e-jurnal dan e-pembelajaran; akses rekod bibliografi sebanyak 2.77 juta daripada 130 perpustakaan awam dan akademik serta akses bahan pendigitalan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 1.77 juta muka surat seperti manuskrip Melayu, koleksi PNM dan surat khabar.

Perkhidmatan u-Pustaka juga adalah percuma dengan penggunaan bahan digital mengurangkan beban perpustakaan dari segi pembelian bahan bacaan dan rujukan.

Inisiatif ini juga membantu perpustakaan memperluaskan peranan secara lebih strategik bagi menjadikan sebagai pusat rujukan digital yang dinamik dan komprehensif. Selain itu, ia berperanan meningkatkan capaian maklumat yang sahih, tepat dan cepat kepada pengguna selain memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sehingga kini, sesudah hampir sedekad dilancarkan, 578,000 rakyat Malaysia berdaftar sebagai ahli u-Pustaka dengan kadar penggunaannya pula

sebanyak 9.4 juta sehingga September 2021.

Ketika negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020, u-Pustaka menjadi pilihan rakyat Malaysia memperoleh bahan digital dengan 40,000 naskhah dipinjam pada bulan Mac 2020 sahaja. Ia berbeza dengan kadar purata 15,000 naskhah pada bulan biasa. Dalam tempoh PKP juga 23,000 pendaftaran ahli baharu direkodkan.

Justeru, seiring perkembangan semasa u-Pustaka dilihat sebagai platform terbaik untuk memacu gagasan Malaysia sebagai negara membaca dengan menyediakan lebih banyak bahan bacaan digital dan memperluaskan keahlian konsortium u-Pustaka kepada empat lagi perpustakaan awam negeri pada tahun ini.

Kini, Rakyat Malaysia sudah mula menjadikan amalan membaca menerusi u-Pustaka sebagai norma baharu pembacaan mereka seperti MySejahtera yang sudah setahun menjadi aplikasi sumber maklumat sehenti COVID-19.



Portal u-Pustaka menyediakan pelbagai bahan bacaan digital untuk semua lapisan masyarakat. (Foto hiasan)

Beri ruang siswa pulih semangat selepas bencana

BIH

KHAMIS 6/1/2022 MA 11

Oleh Dr Sharfizie Mohd Sharip
dan Farrah Othman
bhrenanca@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
Perniagaan Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Cawangan
Rembau,
Negeri Sembilan

han, ia pasti memberi kesan ke atas momentum pembelajaran mahasiswa.

Walaupun dapatkan awal kajian institut pengajian tinggi (IPT) menunjukkan 78.4 peratus pelajar tidak tertekan dengan kaedah PdP dalam talian, namun ternyata musibah banjir sekali lagi memberi ujian dan cabaran kepada mahasiswa universiti.

Laporan akhbar menyatakan sejumlah pelajar daripada universiti tempatan hilang kediaman dan

tempat tinggal, musnah harta benda dan peralatan pembelajaran seperti komputer riba dan perkakasan lain. Lebih memilukan, sebilangan mahasiswa kehilangan ahli keluarga tersayang.

Selain itu, mereka yang terbabit berhadapan dengan isu gangguan bekalan elektrik, air bersih serta capaian internet mengakibatkan terputusnya komunikasi dan hubungan dengan pihak luar. Sebilangan mahasiswa kehilangan harta benda turut berhadapan ketidakstabilan emosi memandangkan ia membabitkan kemampuan kewangan keluarga untuk



Banjir menyebabkan ada sebahagian siswa kehilangan harta benda dan peralatan pembelajaran. (Foto hiasan)

mengembalikan semua harta yang musnah.

Ternyata ia bukan sahaja memberikan impak dari sudut emosi dan psikologi, malah momentum belajar mahasiswa itu sendiri.

Ditambah pula sebelum ini, pelaksanaan pembelajaran dalam talian dikuatkuasakan akibat pandemik turut memberi impak ke atas kegairahan mahasiswa untuk belajar, disebabkan kurang mendapat bahan rujukan seperti daripada perpustakaan, gangguan capaian internet serta semangat bersaing yang hilang. Ini sekali gus memberi kesan ke atas semangat belajar mereka.

Sebilangan mahasiswa menyatakan kegagalan menguruskan masa dan disiplin dengan baik sepanjang pelaksanaan pengajian dalam talian kerana kebanyakannya digunakan untuk perkara lain seperti permainan video, menonton drama atau filem, lepak serta tidur sepanjang masa.

Pengekalan momentum mahasiswa penting bagi memastikan mereka tidak tercincir dalam pelajaran dan terus dapat mengekalkan fokus dalam pelajaran, sekali gus menghasilkan mahasiswa yang proaktif dan cemerlang.

Namun begitu, usaha dilaksanakan beberapa IPT dalam menangguhkan sesi PdP sepanjang tempoh bencana banjir ini dilihat langkah tepat bagi memastikan mahasiswa terkesan tidak tercincir dan tertekan.

Mereka ini wajar diberi ruang memulihkan semangat dan terus mengekalkan momentum serta kecekalan dalam meneruskan pengajian.

Tuntasnya, krisis melanda negara menjadi permohonan dan satu anjakan paradigma kepada mahasiswa universiti untuk belajar menerajui kepimpinan lebih mencabar pada masa akan datang, sekali gus memberikan cabaran baharu kepada bakal pemimpin negara.

TAJUK: TEGUR BIAR BERADAB

SUMBER : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 08/01/2022

Harian Metro | Sabtu 08.01.2022

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

JAUHI AMARAH MEMBINASAKAN

TEGUR BIAR BERADAB

Datuk Mohd Ajib Ismail

jaran Islam menganjurkan agar umat manusia saling menegur dan menasihati antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat. Budaya menegur dan menasihati adalah perbuatan yang terpuji dengan tujuan supaya menyedari kelehamahan, kealpaan dan kesalahan yang dilakukan. Amalan menegur dan menasihati juga boleh berlaku sama ada daripada orang tua kepada orang muda atau sebaliknya, ibu bapa kepada anak-anak atau sebaliknya, suami kepada isteri atau sebaliknya, pemimpin kepada rakyat atau sebaliknya serta majikan kepada pekerja atau sebaliknya.

Di dalam sebuah hadis daripada Abu Ruqayyah Tamim Ad-Daary RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Agama itu nasihat. Kami bertanya: 'Kepada siapa?' Baginda bersabda: 'Kepada Allah, kepada kitab-Nya, kepada rasul-Nya, kepada pemimpin kaum Muslimin dan kaum Muslimin secara umum.' (Riwayat Muslim)

Sekiranya amalan saling menegur tidak dibudayakan dalam kehidupan, maka tiada tindakan pembetulan yang dilakukan, tiada usaha penambahbaikan, tiada agenda pembaharuan, bahkan kejihilan, kealpaan, kezaliman dan kesesatan dibiarkan berterusan. Kejatuhan beberapa pemerintahan pada zaman silam juga turut berpunca dari keengganan kelompok tertentu untuk berlapang dada dan berjiwa besar dalam mendengar saranan, nasihat dan teguran yang disampaikan oleh para ilmuan yang ikhlas dan jujur. Justeru nasihat dan teguran mestilah dilaksanakan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dan pendekatan yang berhemah agar dapat diterima dengan hati yang terbuka.

Sesetengah pihak menamakan teguran sebagai kritikan, aduan, pandangan dan pelbagai istilah yang lain. Walau apa pun istilah yang digunakan, teguran mestilah disampaikan berlandaskan sifat yang rasional, tidak dipengaruhi sentimen dan emosi yang berlebihan, bersifat keterlaluan sehingga mendedahkan keibaian dan mempersendakan orang lain, terjerumus dalam perbuatan memfitnah serta dikuasai nafsu amarah yang membina-sakan dan merendahkan martabat insan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bermaksud: Seorang pemuda



ANTARA kaedah dan adab yang perlu diberikan perhatian dalam menyampaikan teguran adalah memberikan nasihat dan teguran dengan bahasa dan nada sopan seperti teguran Nabi Musa kepada Firaun.

meminta nasihat daripada Nabi SAW dan Nabi bersabda: "Janganlah kamu menuruti amarah. Dia mengulangi pertanyaannya dan Nabi mengulanginya sebanyak tiga kali."

Walaupun amalan saling menegur dapat memberikan manfaat ke arah kebaikan, namun adab dan akhlak dalam menyampaikan teguran mestilah sentiasa dipelihara. Teguran haruslah disampaikan dalam keadaan yang tenang bukan dalam keadaan marah dan dipengaruhi emosi sehingga mengeluarkan kata-kata yang kesat dan makian yang menggeruhkan keadaan sekali gus mengakibatkan sesuatu permasalahan bertambah buruk. Tanpa adab dan kaedah yang betul, teguran bukan sahaja boleh menimbulkan perasaan malu akibat teguran tersebut. Gunakanlah perkataan yang baik dan bermanfaat agar tidak menyinggung perasaan orang lain serta berhati-hatilah dalam memilih perkataan yang sesuai agar kita tidak membuatkan orang lain merasa terhina dan rendah diri. Sampaikanlah nasihat dan teguran dengan fikiran yang rasional bukan dengan emosi yang tidak terkawal agar mengelakkan orang lain berkecil hati di atas nasihat dan teguran yang diberikan.

Sampaikanlah nasihat dan teguran sebagaimana kita inginkan diri sendiri ditegur atau dinasihati. Sentiasalah bersangka baik terhadap orang yang menerima nasihat dan teguran kerana mungkin mereka tidak menyedari kesalahan dan kesilapan yang dilakukan. Firman Allah SWT dalam surah

Al-Hurujat ayat 12 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keibaian orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka

sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut)

didedahkan kepada pengetahuan umum, sebaliknya berikanlah nasihat dan teguran ketika bersendirian atau berada di tempat yang tertutup, dengan adab yang cermat bukan dengan perbuatan yang boleh menimbulkan perasaan malu akibat teguran tersebut.

Gunakanlah perkataan yang baik dan bermanfaat agar tidak menyinggung perasaan orang lain serta berhati-hatilah dalam memilih perkataan yang sesuai agar kita tidak membuatkan orang lain merasa terhina dan rendah diri. Sampaikanlah nasihat dan teguran dengan fikiran yang rasional bukan dengan emosi yang tidak terkawal agar mengelakkan orang lain berkecil hati di atas nasihat dan teguran yang diberikan.

Sampaikanlah nasihat dan teguran sebagaimana kita inginkan diri sendiri ditegur atau dinasihati. Sentiasalah bersangka baik terhadap orang yang menerima nasihat dan teguran kerana mungkin mereka tidak menyedari kesalahan dan kesilapan yang dilakukan. Firman Allah SWT dalam surah

Al-Hurujat ayat 12 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keibaian orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka

dan bertakwah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihi."

Perubahan gaya hidup masyarakat yang dikuasai oleh penggunaan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter, Instagram, TikTok dan lain-lain menyediakan ruang interaksi dan komunikasi tanpa batasan yang kadangkala membuatkan kita terleka tentang adab dan akhlak dalam menyampaikan teguran. Sesetengah orang merasa berhak melakukan teguran kepada sesiapa sahaja dan di mana-mana sahaja tanpa berfikir dengan kewaras dan kemantangan, sebaliknya dikuasai nafsu untuk menyerang sehingga tidak lagi berupaya mempertahankan akhlak sebenar seorang Muslim. Oleh itu, marilah kita bermuhasabah agar mengembalikan semula tujuan sebenar sesuatu teguran dilakukan agar memberikan manfaat kepada orang lain bukan mengundang kemudarat yang menyemarakkan api perbalahan dan permusuhan. Sedangkan permusuhan adalah perbuatan yang dibenci dan ditegah oleh agama sebagaimana hadis daripada Aisyah RA berkata: Rasulullah SAW telah bersabda bermaksud: "Sesungguhnya orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang paling kuat permusuhan." (Riwayat Muslim)

Terimalah nasihat dan teguran yang disampaikan dengan perasaan bersangka baik supaya kita dapat memperbaiki diri dan sampaikanlah nasihat dengan adab terbaik agar hubungan persaudaraan sesama insan terpelihara.

Penulis Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)

A
Sampaikanlah nasihat dan teguran dengan fikiran yang rasional bukan dengan emosi yang tidak terkawal agar mengelakkan orang lain berkecil hati di atas nasihat dan teguran yang diberikan



"Tanyalah (wahai Muhammad, kepada mereka): "Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganku (sebagaimana yang kamu harap-harapkan), atau la memberi rahmat kepada kami (sehingga kami dapat mengalakan kamu), - maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir dari azab seksa yang terpergi sakitnya?"

(Surah al-Mulk, ayat 28)

AL-HAQ
Sehari sepotong ayat

TAJUK: MASA KINI SEMAKIN SINGKAT?

SUMBER : METRO AHAD

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 09/01/2022

Metro Ahad | 09.01.2022

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15 addin

MASA KINI SEMAKIN SINGKAT?



Bersama
Dr Mohd
Khafidz Soroni

aruh ini kita dikejutkan dengan banjir besar di beberapa negeri yang dikatakan berpunca daripada hujan yang amat luar biasa. Bahkan, ada kawasan yang tidak pernah dinaiki air selama 50 tahun, namun dikejutkan dengan kehadiran banjir mencecah sehingga paras leher.

Kemungkinan pemanasan global dan peningkatan paras air laut akibat pencairan glasier di Kutub Utara dan Kutub Selatan mempunyai kaitan dengan jumlah air yang menyajat ke udara serta menurunkan hujan.

Mutakhir, saintis membuat penemuan yang mengejutkan apabila mereka mendapati sejak pertengahan 2020, bumi mula berputar lebih cepat mengakibatkan masa dalam sehari lebih pendek. Mereka percaya setiap hari kini sebenarnya adalah lebih pendek daripada 24 jam. Seorang saintis dari National Physical Laboratory (UK) menyatakan, bumi berputar pada paksinya lebih cepat sekarang berbanding sepanjang tempoh 50 tahun terakhir. Dianggarkan setiap hari pada 2021, bumi berputar lebih pantas sebanyak 0.5 milisatah sehari daripada 86,400 saat yang menyamai jangka masa 24 jam.

Beberapa saintis berpendapat, kepantasan putaran bumi ini mungkin disebabkan oleh pencairan glasier sepanjang abad ke-20. Beberapa saintis berpendapat, kepantasan putaran bumi ini mungkin disebabkan oleh pencairan glasier sepanjang abad ke-20 dan peningkatan paras air dalam jumlah besar di bahagian utara bumi. Hal ini turut menyebabkan pelbagai bencana alam berlaku. Bencana alam akibat cuaca ekstrem kesan perubahan iklim ini realitinya bukan semata-mata berlaku di Malaysia bahkan di seluruh dunia.

Menerusi al-Quran dan hadis telah pun menghabarkan kepada kita mengenai ketibaan hari kiamat yang boleh digambarkan dalam bentuk kegagalan penuh seluruh sistem cakerawala daripada berfungsi dan sampai waktu kehancurannya. Antaranya seperti firman Allah SWT: "Apabila langit terbelah, apabila bintang gugur bertaburan, apabila lautan pecah bercampur-baur dan apabila kubur dibongkarkan."

Surah al-Infirat: 1-4

Maka, untuk sampai ke peringkat itu, tidak mustahil prosesnya sudah pun mula berlaku pada masa sekarang sedikit demi sedikit. Sehinggalah nanti tiba kepada tahap yang lebih buruk apabila orbit sistem solar juga turut gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan sistem ini turut menjadi tanda pemisah bagi



BONGKAH ais semakin mencair di Kutub Utara dan Kutub Selatan.

Beberapa saintis berpendapat, kepantasan putaran bumi ini mungkin disebabkan oleh pencairan glasier sepanjang abad ke-20

Hari kiamat tidak akan bangkit sehingga matahari terbit dari sebelah barat. Maka, apabila ia terjadi dan manusia melihatnya, mereka semua pun beriman. Namun, demikian itu adalah masanya iman seseorang tidak lagi memberi manfaat kepadanya"

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

membezakan antara orang yang beriman dengan orang tidak beriman. Ini berdasarkan hadis Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW sabdanya: "Hari kiamat tidak akan bangkit sehingga matahari terbit dari sebelah barat. Maka, apabila ia terjadi dan manusia melihatnya, mereka semua pun beriman. Namun, demikian itu adalah masanya iman seseorang tidak lagi memberi manfaat kepadanya."

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Kita sebagai umat Islam wajib mempercayai apa yang dikhaskan oleh Nabi SAW. Ini kerana apa yang disampaikan itu bukanlah satu ramalan, tetapi hakikatnya ia adalah perkhabaran yang benar. Putaran bumi lebih cepat yang mengakibatkan masa

Hari kiamat tidak akan bangkit sehingga masa menjadi semakin dekat. Maka, setahun akan menjadi seperti sebulan, sebulan seperti seminggu, seminggu akan menjadi seperti sehari, sehari menjadi seperti sejam dan sejam pula menjadi seperti tempoh sisa bara yang menyala"

Riwayat at-Tirmizi

lebih pendek turut disebut oleh Nabi SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, sabda baginda: "Hari kiamat tidak akan bangkit sehingga masa menjadi semakin dekat. Maka, setahun akan menjadi seperti sebulan, sebulan seperti seminggu, seminggu akan menjadi seperti sehari, sehari menjadi seperti sejam dan sejam pula menjadi seperti tempoh sisa bara yang menyala."

Riwayat at-Tirmizi

Tidak dinafikan terdapat dua tafsiran ulama mengenai maksud hadis ini. Kata Imam Ibn Abi Jamrah (wafat 695H) dalam kitab Bahjat an-Nufus: "Pendeknya masa itu boleh jadi berlaku secara hakiki dan boleh jadi juga berlaku

secara maknawi (majazi). Adapun secara hakiki, ia belum muncul lagi (yakni pada zaman beliau) dan kemungkinan ia termasuk perkara yang akan berlaku apabila hampirnya hari kiamat. Adapun secara maknawi maka ia mempunyai tempoh masanya sejak ia muncul dan dapat diketahui oleh ahli agama serta ahli dunia yang bijaksana. Mereka akan mendapati diri mereka tidak mampu untuk mencapai tahap sesuatu pekerjaan mengikut kadar sama yang mereka pernah lakukan sebelum itu.

Lalu mereka pun mengeluh tanpa mereka tahu sebabnya, sedangkan kemungkinan ia disebabkan oleh kelemahan iman yang berlaku kesan daripada perkara menyalahi syarak yang dilakukan daripada berbagai aspek." Kata Imam al-Kirmani (wafat 786H): "Pendapat yang hak adalah ia bermaksud hilangnya keberkatan daripada segala perkara termasuk masa dan itu adalah antara tanda hampirnya hari kiamat".

Apa-apa pun menurut kedua-dua tafsiran, pendeknya masa yang kita rasai pada masa kini sama ada ia memang benar terjadi secara realiti atau kerana hilangnya keberkatan pada masa adalah kebenaran petanda hampirnya hari kiamat.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)

BH Jumaat, 21 Januari 2022

Komentar

11

Tindakan bersama, pemikiran holistik pacu reputasi universiti



Oleh Prof Datuk Dr Ahmad Fauzi Ismail dan Dr Muhammad Abd Hadi Bunyamin
bhrencana@bh.com.my



Ahmad Fauzi adalah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), manakala Muhammad Abd Hadi adalah Pensyarah Kanan UTM

dan industri.

Cabarannya memimpin dan mengurus universiti atau kolej semakin kompleks memandangkan berlakunya perubahan peranan universiti dan kolej. Perubahan ini didorong arus global yang dipacu kewujudan penarafan universiti dunia serta era Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

Namun, kerencaman memimpin dan mengurus

Tahun 2022 menyaksikan pandemik COVID-19 mula menampakkan jalan keluar, khususnya dengan kejayaan vaksinasi kepada lebih 90 peratus individu dewasa Malaysia.

Pandemik hikmah untuk kita melihat kembali cara kita bekerja. Sebelum berlakunya pandemik, kita mungkin berasaskan kemampuan untuk bekerja berseorangan atau satu pihak saja boleh menghasilkan kejayaan.

Namun, dengan permasalahan kompleks seperti pandemik, kita terpaksa mengubah cara kita bekerja, khasnya jika kita melihat kemampuan kerajaan, agensi swasta, universiti dan masyarakat awam bergabung tenaga menjayakan program vaksinasi COVID-19.

Tanpa sinergi erat semua sektor ini, kita mungkin terus terbelenggu dengan masalah penularan wabak ini.

Dalam sesebuah universiti, banyak sektor wujud, sesuai peranan universiti sebagai pusat pendidikan, penyelidikan dan penyediaan perkhidmatan kepada kerajaan, watan, warga global

universiti boleh ditangani andainya berlaku sinergi erat merentas sektor, dengan menggunakan program vaksinasi COVID-19 sebagai model.

Sejarah perkembangan semasa yang menampakkan dunia ke arah era VUCA - merujuk 'volatility' (kemeruapan), 'uncertainty' (ketidakpastian), 'complexity' (kerumitan) dan 'ambiguity' (kekaburuan) - adalah mustahak untuk pemimpin pendidikan tinggi melihat agenda sinergi merentas sektor dan bida sebagai kunci memacu reputasi lebih tinggi.

Sinergi didambakan tidak semata-mata atas semangat kerja berpasukan. Nilai bersama harus dibawa tentunya kesediaan membuat pengorbanan besar, mendahuluikan kepentingan awam berbanding peribadi, serta percaya kejayaan adalah milik bersama berbanding milik individu.

Kita tidak dapat mengelak tanggapan kejayaan organisasi akan dianggap kejayaan pemimpin organisasi atas status ketua yang memimpin. Namun, konsep kepemimpinan kontemporari mencadangkan kepemimpinan satu proses membabitkan kerja lebih kolaboratif, konsultatif dan pelbagai hala, berbanding autoritatif atau monopoli tugas atau satu hala.

Melangkah 2022, seharusnya model kepemimpinan

nan pendidikan tinggi menjurus kepada ciri itu. Dalam membentuk kepemimpinan pendidikan tinggi yang benar-benar mengangkat nilai sinergi, transformasi pemikiran juga menjadi satu syarat utama.

Set pemikiran diperlukan ialah pemikiran holistik. Cara berfikir begini membawa kepada budaya meraikan pelbagai sudut pandangan berbeza dan menjana buah fikiran bersifat menyeluruh.

Sebagai contoh, dalam menjana transformasi sosioekonomi rakyat, inisiatif Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) yang disebut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, melalui Amanat Tahun Baharu 2022 adalah cerminan pemikiran holistik warga universiti yang peka terhadap taraf kehidupan rakyat Malaysia.

Program sebegini menampakkan komitmen warga universiti dalam memikirkan strategi ampuh memperkasa sosioekonomi Keluarga Malaysia melalui pendidikan tinggi berkualiti, dengan mempersiapkan generasi pertama setiap keluarga dengan peluang melanjutkan pengajian, bantuan kewangan membiayai pengajian serta bantuan mendapatkan pekerjaan selepas selesa pengajian.

SULUNG tentunya memerlukan sinergi pelbagai pihak, dalam dan luar universiti, bagi menjayakan hasrat memperkasa sosioekonomi Keluarga Malaysia, khasnya universiti sendiri, pembiayaan pendidikan dan majikan, awam serta swasta.

Justeru, dalam melakar reputasi universiti pada tahap lebih hebat, pembugaran sinergi lebih utuh, selain set pemikiran holistik amat diperlukan.

Semua nilai ini sejajar amanat tahun baharu 2022 Menteri Pengajian Tinggi, yang menekankan kecermerlangan institusi pengajian tinggi (IPT) negara serta jaringan kolaborasi strategik.

Sinergi utuh dan pemikiran bakal membawa reputasi universiti ke tahap lebih tinggi dengan transformasi cara bekerja dan set minda lebih inklusif.

“Justeru, dalam melakar reputasi universiti pada tahap lebih hebat, pembugaran sinergi lebih utuh, selain set pemikiran holistik amat diperlukan”

LENTERA HADIS

KAJIAN ORIENTALIS BARAT TERHADAP DISIPLIN ILMU ISLAM



Bersama
Dr Mohd
Khafidz Soroni

Orientalis menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud pakar dalam bahasa, kebudayaan dan lain-lain bangsa Timur. Namun, orientalis secara terminologi biasanya merujuk kepada golongan bukan Islam yang mengkaji mengenai agama dan umat Islam secara khusus, sama ada bagi tujuan ilmu semata-mata atau lazimnya dengan agenda tertentu. Sejak kebangkitan ilmu di Barat, golongan orientalis cukup gigih membuat kajian tentang khazanah ilmu Islam.

Tugas mereka bertambah mudah dengan kerjasama daripada penjajah Barat yang menjajah negara Islam dan membawa pulang sejumlah besar manuskrip ilmuwan Islam ke tanah air mereka.

Menurut Abdullah Muhammad an-Na'imi dalam bukunya *al-Istisyraq fi as-Sirah an-Nabawiyyah* (1997), jumlah keseluruhan buku dan kajian yang dihasilkan oleh orientalis Barat berkaitan Islam dan kesusasteraan Arab sejak 1811 sehingga 1950 sahaja iaitu sekitar 140 tahun adalah berjumlah kira-kira 60,000 judul.

Jumlah yang amat besar ini meliputi pelbagai bidang ilmu pengajaran Islam seperti akidah, tafsir, hadis, fiqh, usul, tasawuf, kalam, sirah nabawiyah, bahasa Arab, sejarah Islam, perbandingan mazhab dan sebagainya. Hingga muncul dalam kalangan mereka ahli yang dianggap pakar rujuk bagi setiap bidang ilmu berkenaan. Misalnya dalam bidang sirah nabawiyah terkenal dengan W Montgomery Watt, Carl Brockelmann dan Julius Wellhausen.

Mereka giat mencetak dan menerbitkan manuskrip ulama Islam yang dibawa pulang ke negara mereka. Contohnya, kitab Sahih al-Bukhari pertama kali dicetak di Leiden, Holland antara 1862 hingga 1868 yang diselenggarakan oleh M Ludolf Krehl dan Theodor Juynboll. Kitab Tabaqat Ibn Sa'd yang diselenggarakan oleh Edward Sachau juga dicetak di Leiden antara 1904 hingga 1908 dalam lapan jilid. Kitab Sirah Ibn Hisyam yang diselenggarakan oleh Ferdinand Wüstenfeld pula dicetak di Göttingen, Jerman antara 1858 hingga 1860.

Selain itu, mereka turut giat



UMAT Islam mesti mempelajari ilmu agama sejak usia muda supaya tidak terjebak dalam kejahilan.

menterjemahkan pelbagai kitab seperti terjemahan Maghazi al-Waqidi ke bahasa Inggeris oleh Wellhausen yang dicetak di Berlin, Jerman pada 1882 dan terjemahan Sirah Ibn Ishaq ke bahasa Inggeris oleh Alfred Guillaume pada 1955.

Dalam bidang hadis, seorang orientalis terkenal Holland bernama Arent Jan Wensinck (1882-1939). Beliau mengkaji dan meneliti 14 kitab hadis sehingga berjaya menyusun sebuah indeks mengenai tema dan topik yang terdapat dalam hadis Nabi SAW seperti isu hukum, nama individu, nama peristiwa dan nama tempat. Wensinck mengambil masa sekitar 10 tahun untuk menyiapkannya sehingga ia berjaya diterbitkan pada 1927 dengan judul: "a Handbook of Early Muhammadan Tradition." Oleh kerana buku ini amat penting sebagai direktori hadis, ia telah diterjemahkan ke bahasa Arab oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi (1882-1968) dengan judul: Miftah Kunuz al-Sunnah serta diterbitkan pada 1934.

Wensinck juga perintis kepada

penyusunan kitab al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi. Kitab ini indeks bagi semua kalimah hadis yang terdapat dalam sembilan kitab hadis iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tirmizi, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, Sunan al-Darimi, Muwatta' Malik dan Musnad Ahmad.

Idea awal penyusunannya muncul pada 1916, namun gerak kerjanya hanya bermula pada 1922 dan beliau turut mendapat bantuan Muhammad Fuad Abdul Baqi. Bagaimanapun, Wensinck hanya sempat menerbitkan jilid pertamanya sahaja pada 1936 dan beliau kemudian meninggal dunia pada 1939.

Setelah kematian Wensinck, penyusunan kitab ini diteruskan oleh sekumpulan orientalis lain antaranya Johannes Petrus Mensing, Willem Pieter de Haas, Johannes van Loon, H C Ruyter, C C Berg, Jan Brugman dan G H A Juynboll.

Ia disusun dan diterbitkan oleh mereka sedikit demi sedikit

sehingga keseluruhan kalimah hadis di dalam sembilan kitab hadis itu berjaya diindeks. Kitab ini diselesaikan pada 1969 dan terdiri daripada tujuh jilid. Untuk menggunakan pembaca perlu mengenal pasti terlebih dahulu huruf asal atau kata akar bagi sesuatu perkataan kerana kaedah susunannya adalah sama seperti sistem kamus Arab.

Penyusunannya yang memakan masa begitu lama iaitu 47 tahun sudah cukup membuktikan kepada kita betapa tingginya azam dan kesungguhan golongan orientalis dalam mengkaji disiplin ilmu Islam. Jika kita renungi kesanggupan mereka dalam menghabiskan umur dan tenaga demi mempelajari ilmu agama lain, sejawarnya umat Islam adalah lebih berhak untuk berbuat demikian agar mereka tidak jahil dengan ilmu agama sendiri.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)

TAJUK: GRADUAN PHD PEMACU INOVASI, TINGKAT DAYA SAING NEGARA

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

TARIKH : 23/01/2022

23 Januari 2022 BH AHAD

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Graduan PhD pemacu inovasi, tingkat daya saing negara



Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani
Mohd Zain
bhrencana@bh.com.my

Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT), Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pada masa sama, masyarakat awam mulai sedar kepentingan memiliki kelayakan PhD. Di Malaysia, konsep dan budaya pembelajaran sepanjang hayat mendorong masyarakat bercita-cita menyambung pengajian sehingga ke peringkat PhD. Oleh kerana itu, ada yang memegang PhD ketika mereka berusia 70 tahun dan menjadi warga emas.

Disebabkan tingginya nilai dan pandangan masyarakat kepada pemegang PhD, ada yang mendapatkan ijazah itu secara palsu dan tidak beretika. Malah, ada yang sanggup membayar sehingga ratusan ribu ringgit kepada individu dari universiti tertentu bagi mendapatkan PhD dengan mudah.

Perkara ini pernah menjadi suatu isu besar dan ia sangat membimbangkan kerana boleh menjasakan nilai serta ketinggian ilmu itu sendiri.

Malaysia sendiri menyasarkan 60,000 pemegang PhD menjelang 2023. Sasaran ini seiring hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju. Ini kerana jumlah graduan PhD yang mencukupi sebagai insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, akan dapat menjayakan ekonomi berdasarkan inovasi.

Tidak dinafikan, peningkatan lebih ramai insan berpengetahuan tinggi boleh menjana sumber kekayaan berasaskan inovasi, sekali gus memastikan Malaysia terus lestari dan berdaya saing. Mengikut unjuran negara, kita memerlukan sekurang-kurangnya jumlah penyelidik, saintis dan jurutera (RSE) dalam nisbah 100 per 10,000 tenaga kerja pada 2020.

Bagi memastikan sasaran jumlah graduan PhD ini tercapai, beberapa langkah diambil. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pernah memperkenalkan program MyBrain15 bermula 2011, namun program ini ditangguhkan sejak 2018.

Program MyBrain15 sejajar usaha kementerian ketika itu untuk melahirkan lebih ramai bilangan pemegang PhD sebagai pemacu ke arah negara berrasaskan inovasi. Program pembentahan ini dirangka dengan beberapa matlamat, antaranya melahirkan *critical mass* (kelompok kritis) dan graduan berpengetahuan tinggi yang akan menjadi pemacu ke-

pada inovasi dan produktiviti sehingga dapat meningkatkan ekonomi negara kepada tahap lebih tinggi.

Kekuatan kepada program ini ialah ia tidak hanya tertumpu kepada penyertaan staf akademik di institusi pengajian tinggi (IPT) semata-mata, sebaliknya turut sama menarik penyertaan orang awam secara keseluruhan yang ingin menyambung pengajian pada peringkat pasca siswazah khususnya PhD.

Selain berbentuk konvensional, kaedah PhD dipelbagai kepada beberapa bentuk seperti PhD industri. Program PhD industri ini diharap dapat meningkatkan kerjasama penyelidikan antara universiti dan industri tempatan, sekali gus menambah nilai terhadap produk tempatan.

Isu jumlah graduan PhD yang timbul baru-baru ini perlu dilihat melangkaui persoalan angka. Justeru, lima perkara dan persoalan penting perlu dilihat dalam konteks isu ini.

Pertama, graduan PhD adalah insan berpengertian dan berkemahiran tinggi yang berupaya menjadi pemangkin kepada ekonomi berdasarkan inovasi. Mereka perlu dilihat sebagai kumpulan bakat yang boleh mengupayakan lagi potensi inovasi di negara.

Kedua, negara perlu memanfaatkan pemegang PhD dan bukan sekadar berbangga dengan jumlah mereka. Justeru, kita memerlukan satu ekosistem yang kondusif apabila pemegang PhD ini boleh ditawarkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelebihan akademik mereka.

Ketiga, pemegang PhD tidak semestinya perlu menjadi tenaga pengajar di universiti semata-mata, sebaliknya boleh memberi khidmat teknikal dalam profesion lain berdasarkan kapakaran mereka.

Keempat, bagaimana peranan sektor industri kita

memanfaatkan pemegang PhD sedia ada? Adakah mereka bersedia menerima pemegang PhD berbanding tenaga kerja yang berpengalaman?

Kelima, adakah ilmu fundamental baharu yang diperlukan daripada penyelidikan PhD dimanfaatkan dalam membina korpus ilmu watan dan menyelesaikan isu negara?

Penyelidikan PhD biasanya mengambil masa antara tiga ke lima tahun dan ia sudah tentu menghasilkan suatu sumbangan kepada pembinaan ilmu baharu yang akhirnya boleh digunakan untuk kepentingan awam.

Meskipun kita menyasar jumlah graduan PhD yang tinggi, kualiti graduan berkenaan mesti sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kita tidak mahu PhD dilihat sekadar sambungan daripada ijazah pertama dan sarjana.

Isu bilangan graduan PhD oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dibangkitkan seorang ahli Parlimen baru-baru ini, membuka banyak persoalan dan perdebatan mengenai kuantiti dan kualiti graduan PhD. Apa pun UPM sudah menjawab bahawa kaedah pengajian PhD melebihi syarat minimum ditetapkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Secara tuntasnya, untuk menjadi sebuah negara maju, kita memerlukan jumlah pemegang PhD yang mencukupi. Negara mesti memanfaatkan pemegang PhD sedia ada bukan sahaja untuk pasaran kerja, tetapi pasaran inovasi yang boleh melonjakkan daya saing negara secara lestari.

Mereka wajar diangkat sebagai pemangkin kepada ekonomi berdasarkan inovasi yang menjadi syarat Malaysia menjadi sebuah negara maju. Bukan menjadi mangsa kepada permainan politik oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.



Penyelidikan PhD menghasilkan sumbangan kepada pembinaan ilmu baharu untuk kepentingan awam. (Foto hiasan)

BH Rabu, 26 Januari 2022

Komentar

11

Strategi 'Sejahtera IPT' perkukuh ekosistem pengajian tinggi

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali
bhrencana@bh.com.my



Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak

Amanat Tahun Baharu 2022 Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad wajar diberikan perhatian oleh warga akademia kerana memperkenalkan beberapa strategi perlu dilaksanakan semua warga pada peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) seperti di universiti awam (UA), universiti swasta, politeknik dan kolej komuniti. Amanat itu menjelaskan Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi (Sejahtera IPT) wajar dijadikan misi dan visi utama dalam mendepani cabaran pandemik dengan tujuh strategi utama untuk meneruskan momentum kecemerlangan warga akademia ke peringkat seterusnya.

Pertama, memberikan penekanan kepada mengukuhkan ekosistem kampus berdasarkan situasi semasa dalam negara. Ekosistem kampus kondusif dan selamat adalah persekitaran di mana warganya berasa selesa dari segi fizikal, emosi dan sosial.

Dalam merealisasikan hasrat ini, ketersediaan infrastruktur dan fasiliti kondusif untuk semua warga perlu diberikan perhatian. Selain itu, kesihatan mental warga IPT dalam tempoh kritikal juga tidak boleh diabaikan.

Tidak dinafikan impak pandemik memberi kesan besar terhadap kebolehpasaran graduan IPT. Justeru, strategi kedua adalah memperkuuhkan kebolehpasaran graduan melalui pelbagai inisiatif sama ada pada peringkat nasional atau universiti.

Kerjasama antara IPT dan industri dalam menambah baik kualiti dan kandungan program ditawarkan mestilah diselaraskan supaya kemahiran diperoleh memenuhi kehendak majikan.

Ketiga, strategi pendigitalan pendidikan tinggi

dapat dipacu supaya seiring dasar pendigitalan negara. Pandemik membuka mata ramai pihak bahawa langkah pendigitalan pendidikan mampu dilaksanakan.

Strategi pendigitalan pendidikan tinggi mendorong pelajar ke arah penggunaan peranti terkini untuk mengakses sumber rangkaian dalam talian IPT. Kesannya, mahasiswa kini menggunakan peranti peribadi mereka sendiri atau konsep dinamakan Bring Your Own Device (BYOD), untuk mengakses sumber di IPT.

Situasi semasa juga mencetuskan lonjakan besar terhadap kepentingan penyediaan bahan kursus terbuka dalam talian.

Keempat, strategi memantapkan jaringan kolaborasi strategik IPT bersama rakan akademia dan industri pada peringkat antarabangsa. Usaha ini

langkah tepat dalam menjadikan IPT negara terkenal pada peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan kepakaran.

Kelima, strategi memacu kesejahteraan komuniti dalam membangun masyarakat setempat melalui pendekatan inovasi sosial. Usaha ini dapat dilaksanakan dengan sinergi berkesan antara masyarakat, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan termasuk alumni.

Keenam, strategi mempersada kecemerlangan institusi melalui sinergi pelbagai pihak dalam mengangkat agenda pemerkasaan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada semua peringkat.

Sebagai tambahan, kecemerlangan institusi dapat dinilai melalui pelaksanaan kegiatan kesarjanaan dan peningkatan prestasi pada peringkat antarabangsa.


Ketujuh, strategi menyemarakkan semangat #KPTPRIHATIN dengan menyediakan bantuan dan sokongan bersetujuan dalam tempoh mencair ketika ini. Ramai warga IPT terjejas oleh pandemik yang kini masih melanda dunia dan ditambah pula musibah banjir.

Sebagai rumusan, faedah utama akan diperoleh daripada strategi Sejahtera IPT ini ialah peningkatan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan IPT sebagai pusat percambahan, pengumpulan dan penyebaran ilmu.

Justeru, setiap warga IPT bertanggungjawab meningkatkan kecemerlangan dan sinergi dalam mempromosikan strategi ini secara meluas.

Hasrat ini bertepatan dasar kerajaan seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang menumpukan pengukuhan ekosistem pengajian tinggi, pemerkasaan TVET dan pengupayaan pendidikan swasta sebagai satu industri.

Semoga dengan usaha murni ini semua IPT akan benar-benar menjadi milik masyarakat dan akan berkhidmat kepada rakyat.



Setiap warga IPT bertanggungjawab meningkatkan kecemerlangan dan sinergi dalam mempromosikan strategi Sejahtera IPT ini secara meluas.
(Foto hiasan)